SAMPEL PERCUMA

Skema Trial STPM Semester 3 Sejarah Perak 2024 (Set B)

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Padi huma ditanam di kawasan tanah tinggi atau lereng bukit kerana tidak memerlukan air yang banyak. Biasanya penanaman padi huma dijalankan secara pertanian pindah.

2.Tanaman Lain

Selain padi, tanaman lain ialah jagung, kopi, tembakau, pisang, tebu, ubi kayu, lada hitam, gambir, kelapa, keledek. Tanaman diusahakan secara kecil-kecilan dan jika ada lebihan akan ditukarkan dengan barangan lain. Terdapat juga buah-buahan seperti kelapa.

3.Memburu

Memburu dan memungut hasil hutan melibatkan masyarakat Melayu yang tinggal di pinggir hutan. Binatang yang diburu seperti pelanduk, kancil, rusa, ayam hutan, dan seladang untuk makanan, manakala gajah untuk membantu bekerja. Kegiatan memburu secara meluas di Pahang dan Terengganu. Memungut hasil hutan merupakan kegiatan sampingan selain bertani. Sumber hutan yang diperolehi termasuklah ubat-ubatan, damar, rotan, getah jelutung, dan buluh. Biasanya untuk keperluan sendiri dan selebihnya untuk dijual bagi mendapatkan wang bagi mendapatkan barangan lain seperti garam, kain dan beras

4.Perikanan

Kegiatan menangkap ikan adalah kegiatan utama masyarakat yang tinggal di pesisir pantai, tasik dan sungai. Hasil tangkapan digunakan untuk keperluan sendiri, dijual jika berlebihan atau dikeringkan. Penduduk di Kelantan, Terengganu dan Pahang menjalankan penangkapan ikan antara bulan Mac-Okt. Pada musim tengkujuh, kegiatan ini beralih di tasik, sungai dan sawah padi. Cara penangkapan ikan menggunakan pukat, jala, bubu, pancing, kelong dan rawai. Penangkapan ikan di sungai dan sawah ialah pancing, jala, tangguk, lukah, serampang dan tombak

5.Penternakan

Kegiatan menternak untuk sumber makanan, protein dan daging. Antara haiwan yang diternak seperti lembu, kerbau, ayam dan itik. Haiwan ternakan seperti kerbau digunakan untuk membajak sawah. Gajah pula digunakan untuk menarik kayu balak.

B.Komersial

1.Tanaman Dagangan

Padi dan beras di Kedah dan Perlis sebelum tahun 1909 bersifat separa sara diri dan berorientasikan komersial. Pasaran utama adalah di Pulau Pinang. Di Kedah, kebanyakkan tanah adalah kepunyaan raja dan rakyat boleh mengerjakan tanah tersebut. Petani tidak terikat, mereka bebas mencari perlindungan daripada mana-mana pembesar yang kurang menindas. Tanah juga boleh dijual beli. Kelantan, Perak, Terengganu dan Selangor juga mengeluarkan padi dengan banyak dan bukan untuk keperluan sendiri sahaja.

Antara tanaman dagangan yang lain ialah lada hitam, gambir, tebu, ubi kayu, kopi, cengkeh dan buah pala. Di Johor, tanaman lada hitam dan gambir merupakan tanaman komersial yang penting. Tanaman ini diusahakan oleh buruh buruh Cina yang di bawa masuk melalui Sistem Kanchu atau surat sungai di Johor. Temenggung memberikan hak ekonomi kepada tauke-tauke dari Singapura dan Ketua Kongsi Gelap Cina sejak tahun 1840-an dalam menggalakkan penanaman gambir di selatan dan barat Johor

2.Perlombongan

Tanah Melayu merupakan negara yang kaya dengan bahan galiannya terutamanya bijih timah. Hilir Perak, Sungai Ujong dan Lukut merupakan kawasan perlombongan yang penting sebelum kedatangan Barat. Perak merupakan pengeluar bijih timah utama dengan penemuan kawasan perlombongan di Larut pada tahun 1840-an. Perlombongan timah diusahakan oleh raja dan pembesar Melayu seperti Ngah Ibrahim dan Raja Jumaat. Mereka menggunakan buruh Cina untuk mengusahakan kawasan lombong. Kemasukan buruh-buruh Cina yang menggunakan teknologi pam kelikir menggantikan kaedah mendulang meningkatkan lagi hasil pengeluaran.

3.Perdagangan

Perdagangan merupakan kegiatan ekonomi komersial turut dijalankan oleh masyarakat di Tanah Melayu sebelum kedatangan kuasa Barat. Masyarakat tempatan terdedah dengan pedagang-pedagang dari luar seperti China, India, Arab, dan benua Eropah. Terdapat pelabuhan yang lengkap dengan kemudahan menyebabkan pedagang sering singgah untuk menjalankan aktiviti jual beli seperti di Muara Sungai Kuala Terengganu. Antara hasil dagangan ialah hasil-hasil hutan. Penggunaan mata wang seperti Riyal dan Dollar Sepanyol merancakkan lagi kegiatan perdagangan.

Kesimpulan

Masyarakat Tanah Melayu sebelum kedatangan kuasa Barat menjalankan dua jenis kegiatan iaitu ekonomi sara diri dan ekonomi komersial.

Soalan 2.

Huraikan penentangan masyarakat tempatan di Sabah dan Sarawak terhadap campurtangan kuasa barat pada abad ke 19.

Pengenalan

Sarawak pada asalnya merupakan sebahagian daripada wilayah Kesultanan Brunei tetapi telah diserahkan kepada James Brooke setelah beliau berjaya menghapuskan pemberontakan di Sarawak. Keluarga Brooke mula mentadbir Sarawak bermula dari tahun 1842 apabila James Brooke dilantik sebagai Gabenor Sarawak. Syarikat Borneo Utara British mentadbir Sabah sejak tahun 1881 apabila dianugerahkan Piagam Diraja oleh kerajaan Btitish. Perubahan yang dilakukan oleh Brooke dan SBUB mencetuskan penentangan rakyat tempatan di Sabah dan Sarawak.

A.Sarawak

1.Penentangan Linggir

Linggir ialah seorang pemimpin Iban di Saribas. Beliau menentang pendudukan James Brooke kerana enggan menyerahkan kawasan orang Iban kepada James Brooke. James Brooke dan Kapten William Farquhar berjaya mendapatkan kebenaran Sultan Brunei bagi menghalang pelayaran mereka di Sungai Saribas. Hal ini menyebabkan Linggir dan pengikutnya menyerang kapal Nemesis milik James Brooke di Batang Lupar pada tahun 1849. Dalam pertempuran tersebut, Linggir dan pengikutnya tewas dan pengikut Linggir terpaksa berundur.

2.Penentangan Syarif Masahor

Beliau dilantik oleh Sultan Brunei sebagai Gabenor Sarekei di Sungai Rajang. Beliau merupakan pembesar yang dihormati oleh orang Melanau di Sunai Rajang dan Sungai Skrang. Peluasankuasa James Brooke telah menjejaskan kewibawaan dan kedudukan Syarif Masahor. Beliau juga menentang kerana beberapa pembaharuan yang telah diperkenalkan khususnya berkaitan masalah pungutan cukai. Brooke telah memansuhkan hak memungut cukai dari pembesar-pembesar Melayu daerah Serikei dan Kanowit menyebabkan pembesar

membuat bantahan kepada pentadbiran Brooke. Kemuncak rasa tidak puas hati Syarif Masahor apabila pihak James Brooke bertindak menyokong Pangeran Matusin dalam peristiwa perbalahan antara Pangeran Matusin dengan Pangeran Arshad, sedangkan Syarif Masahor menyokong Pangeran Arshad. Syarif Masahor mendapat sokongan padu daripada orang Melayu, Iban, dan lain-lain.

Pada 1859, Syarif Masahor telah bersatu dengan Datu Patinggi Abdul Ghapur bertindak menyerang kubu Brooke tatapi gagal. Datu Patinggi Abdul Ghapur berjaya melarikan diri ke Pontianak, Kalimantan tetapi telah ditangkap oleh pihak Belanda dan dipenjara di Betawi. Syarif Masahor berjaya melepaskan diri daripada buruan British.

Pada 1860, Syarif Masahor bersama pengikutnya sekali lagi melakukan serangan ke atas Kuching, namun gagal apabila mendapat serangan balas dari Charles Brooke di Sungai Sadong. Beliau berjaya melepaskan diri dan memaksa Charles Brooke menyerang dan bertindak membakar kampung beliau iaitu Kampung Igan. Charles Brooke telah meminta bantuan Sultan Brunei pada tahun 1861 untuk mengadakan perundingan dengan Syarif Masahor. Beliau akhirnya dibuang negeri ke Singapura dan meninggal dunia pada tahun 1899.

3.Penentangan Rentap

Rentap merupakan ketua kaum Iban di Hulu Sungan Skrang. Beliau bersama pengikutnya menentang pemerintahan Brooke kerana rasa tidak puas hati terhadap beberapa perubahan yang mengganggu punca pencarian mereka serta menghapuskan adat resam kaum Iban seperti memburu kepala (mengayau).

Pada 1853, Rentap telah menyerang kubu Brooke di Nanga Skrang dan berjaya membunuh seorang pegawai British bernama Allan Lee. Pada Tahun 1854, Brooke mengerah tenteranya untuk menangkap Rentap namun beliau berjaya melarikan diri ke Bukit Sadok. 1857, Brooke menyerang kubu Rentap di Bukit Sadok tetapi gagal kerana kubu tersebut dilengkapi dengan meriam dan pertahanan yang kukuh. Brooke akhirnya berjaya menawan Bukit Sadok pada 1861. Rentap melarikan diri ke dalam hutan dan meninggal dunia beberapa tahun kemudian.

4.Penentangan Banting

Banting adalah penghulu Iban di Hulu Sungai Batang Lupar. Beliau digelar Ijau Layang.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar